





PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAC 2025

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit (RM bilion)




Indeks Volum




Mac 2025 Mac 2024

Indeks Volum Pelarasan
Bermusim Mac 2025: 0.3%
(Bulan ke Bulan)

Nilai Jualan Perdagangan Borong (RM bilion)



Nilai Jualan Perdagangan Runcit (RM bilion)



Nilai Jualan Kenderaan Bermotor (RM bilion)



Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong




Perdagangan Runcit



Kenderaan Bermotor



Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit



Perbelanjaan musim perayaan, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) mendorong jualan Perdagangan borong & runcit meningkat 5.7 peratus kepada RM154.0 bilion

- Perdagangan borong & runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM154.0 bilion pada Mac, merekodkan pertumbuhan 5.7 peratus tahun ke tahun.
- Peningkatan jualan pada Mac didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM67.0 bilion, peningkatan RM4.2 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.6 peratus. Perdagangan borong pula mencatatkan jumlah jualan RM67.8 bilion, meningkat RM3.7 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.7 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jualan berjumlah RM19.2 bilion, peningkatan RM0.4 bilion atau 2.3 peratus tahun ke tahun.
- Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat 6.5 peratus kepada RM25.8 bilion, manakala Jualan runcit di kedai pengkhususan meningkat 7.3 peratus kepada RM14.2 bilion. Selain itu, Jualan runcit barangan isi rumah meningkat 5.8 peratus kepada RM7.6 bilion, manakala Jualan runcit bahan api kenderaan melonjak 7.9 peratus kepada RM6.2 bilion. Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai khusus turut meningkat iaitu sebanyak 8.1 peratus kepada RM4.3 bilion.
- Jualan borong barangan isi rumah meningkat sebanyak 7.6 peratus kepada RM14.5 bilion. Jualan borong makanan, minuman & tembakau turut mencatatkan peningkatan, dengan pertumbuhan 7.7 peratus tahun ke tahun, mencapai RM14.0 bilion. Begitu juga, Lain-lain pengkhususan jualan borong menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini dengan peningkatan sebanyak 2.5 peratus kepada RM24.7 bilion.



- Subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan jualan berbanding Mac tahun lalu, disokong oleh kenaikan 4.1 peratus dalam Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor kepada RM5.2 bilion. Ini diikuti dengan pertumbuhan 1.5 peratus dalam Jualan kenderaan bermotor, mencecah RM10.1 bilion.
- Jualan runcit dalam talian pada Mac menunjukkan peningkatan dengan indeks meningkat 7.1 peratus tahun ke tahun disumbangkan oleh promosi sempena perayaan. Selepas pelarasan musim, indeks merekodkan pertumbuhan 4.2 peratus bulan ke bulan.
- Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan peningkatan 5.0 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 6.3 peratus diikuti oleh Perdagangan runcit yang mencatatkan peningkatan 4.9 peratus. Sementara itu, Kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan marginal 0.9 peratus pada bulan ini. Selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan peningkatan bulanan 0.3 peratus berbanding Februari 2025.

